

TERMA RUJUKAN

PROGRAM PEMBIAYAAN PEMBANGUNAN KAPISITI CENDANA

GAMBARAN KESELURUHAN

| | Permohonan Dibuka | Tarikh Tutup Permohonan | Notis Pada Pemohon | Projek Akan Bermula |
|--------------------------|-------------------|-------------------------|--------------------|------------------------|
| PEMBIAYAAN FASA 2 | 12 Mei 2020 | 13 Julai 2020 | 12 Ogos 2020 | Selepas September 2020 |

Nota: Memandangkan tempoh Panggilan Permohonan Fasa 2 melibatkan sambutan Hari Raya Aidilfitri, maka panggilan akan dibuka selama sembilan (9) minggu berbanding tempoh biasa iaitu selama enam (6) minggu sahaja.

Program Pembiayaan Pembangunan Kapasiti ("Program") bertujuan untuk menggalakkan dan menyokong pembangunan profesional dan kurasi bengkel seni untuk masyarakat bagi/oleh bagi mereka yang aktif di dalam sektor seni budaya di Malaysia.

Program Pembiayaan Pembangunan Kapasiti secara khususnya menyokong:

- Artis dan pekerja seni budaya untuk menghadiri program kemahiran profesional dan kemahiran di Malaysia sahaja (seperti forum, bengkel, persidangan, pertukaran dialog dan sebagainya);
- Penganjuran bengkel, kelas profesional, forum, pertukaran dialog dan sebagainya seperti program pembangunan profesional ataupun bengkel seni untuk masyarakat yang bakal memanfaatkan artis dan masyarakat khusus kepada seni budaya yang bakal dilaksanakan di Malaysia sahaja .

Sekiranya anda berminat untuk menghadiri program pembangunan profesional di luar Malaysia selepas Perintah Kawalan Pergerakan dan setelah sekatan perjalanan dan lain-lagi oleh kerajaan tempatan atau antarabangsa diangkat, maka anda perlu untuk membuat permohonan melalui Program Pembiayaan Mobiliti CENDANA .

Program pembiayaan CENDANA ini diperkenalkan untuk menyediakan dana dan bantuan kewangan, dalam bentuk geran bersyarat kepada individu, syarikat, diperbadankan dan didaftarkan, persatuan atau pertubuhan di Malaysia.

Sektor

Program ini menyokong projek dari sektor seni persembahan, seni visual dan muzik independen yang ditakrifkan seperti di bawah:

| Seni persembahan | Seni visual | Muzik <i>independen</i> |
|--|--|---|
| <ul style="list-style-type: none"> • Seni tradisional dan kontemporari termasuk: <ol style="list-style-type: none"> i. teater ii. tarian | <ul style="list-style-type: none"> • Seramik • Lukisan • Catan • Arca • Cetakan | <ul style="list-style-type: none"> • Muzik yang dihasilkan secara persendirian/ individu – tidak dihasilkan oleh |

TERMA RUJUKAN

| | | |
|--|--|---|
| iii. muzik (seperti koir, permainan alat muzik, persembahan berkumpulan dan lain-lain) | <ul style="list-style-type: none"> • Reka bentuk • Fotografi • Seni Pemasangan • Seni Multimedia | rekod label terkemuka atau milik anak syarikat. |
|--|--|---|

Pembiayaan yang disediakan dibawah Program Pembiayaan Pembangunan Kapasiti CENDANA.

Program Pembiayaan Pembangunan Kapasiti menyediakan pembiayaan secara langsung untuk anda menyertai atau mengadakan program latihan dan kemahiran profesional, serta bengkel seni untuk masyarakat (sehingga jumlah sebanyak RM15,000) bagi setiap permohonan setiap tahun kalendar.

Projek yang diusulkan haruslah mematuhi garis panduan yang ditetapkan oleh Perintah Kawalan Pergerakan dan larangan berkumpul yang dilaksanakan oleh kerajaan negeri atau persekutuan atau dalam persekitaran yang telah ditetapkan dan ditakrifkan oleh kerajaan, contohnya, penjarakan sosial.

| Perbelanjaan Layak | Perbelanjaan tidak layak |
|--|---|
| <p><u>Penganjur:</u></p> <ul style="list-style-type: none"> • Bayaran Artis/Penceramah / Instruktur/Penganjur¹ honorarium ATAU elaun harian • Pengangkutan (jika lebih dari 50 km dari kediaman semasa) dan penginapan untuk Artis/ Penceramah/Instruktur/Penganjur • Sewa tempat/ruang • Sewa untuk sistem PA, projektor dan Mikrofon) • Kos penterjemah / transkripsi (Bahasa Inggeris/ BM/ Mandarin/ Tamil) • Bayaran kakitangan sokongan (cth: pembantu bengkel, pembantu am dll.) • Kos fotografi dan videografi * <p><u>Projek yang mungkin dijalankan di platform digital</u></p> <ul style="list-style-type: none"> • Kos rekaan dan pembangunan laman web (contohnya pereka web, penulis iklan, ilustrator) • Kos pemasaran dan promosi atas talian (rangsangan media social) | <p><u>Penganjur:</u></p> <ul style="list-style-type: none"> • Kos Katering (Cth: Perbelanjaan Makanan dan Minuman) • Kos perbelanjaan operasi (Cth: Gaji Sepenuh Masa, Sewa bulanan ruang pejabat dan lain-lain) • Penganjur atau pengurusan pihak ketiga/ kos servis • Kos pemasaran (Cth: Bayaran pengiklanan, percetakan bahan pemasaran, bayaran pereka laman web dan lain-lain) • Pembelian peralatan (Cth: Komputer riba, pencetak, alat muzik, perisian dan lain-lain) • Yuran untuk peserta • Visa <p><u>Projek yang mungkin dijalankan di platform digital</u></p> <ul style="list-style-type: none"> • Kos domain web • Kos pengehosan web • Kos sijil SSL (Secure Sockets Layer) |

¹ Honorarium penganjur akan di sediakan jika penganjur menyumbang secara langsung terhadap bengkel tersebut.

TERMA RUJUKAN

| | |
|---|---|
| <ul style="list-style-type: none"> • Kos fotografi dan videografi • Bayaran Artis/Penceramah / Instruktur/Penganjur² honorarium ATAU elaun harian. • Pakej sambungan atau naik taraf platform atas talian³ • Kos staf bantuan teknikal | <ul style="list-style-type: none"> • Kos Pengoptimuman Enjin Carian • Perisian seni dan music digital • Perisian grafik atau perisian penyuntingan video (contohnya MadMapper, Isadora Troikatronix, HeavyM, Resolume Arena) • Kos penyimpanan awan (contohnya iCloud, Dropbox) • Apa-apa jenis alat simpanan (contohnya pemacu kilat USB) |
| <p><u>Peserta:</u></p> <ul style="list-style-type: none"> • Kos perjalanan jika jarak perjalanan melebihi 50 km dari tempat tinggal. • Yuran pendaftaran untuk menyertai program pembangunan kapasiti seperti persidangan / bengkel dan sebagainya. • Elaun harian⁴ <p><u>Projek yang mungkin dijalankan di platform digital</u></p> <ul style="list-style-type: none"> • Yuran pendaftaran untuk platform pembangunan kapasiti seperti Persidangan / Bengkel/ Pameran Perdagangan | <p><u>Peserta:</u></p> <ul style="list-style-type: none"> • Penginapan <p><u>Projek yang mungkin dijalankan di platform digital</u></p> <ul style="list-style-type: none"> • Tidak berkaitan |

**Bergantung kepada keadaan dan situasi*

Program Pembiayaan CENDANA adalah untuk memberikan sebahagian sokongan untuk membolehkan usaha-usaha karyawan dan pengantara seni untuk merealisasikan projek-projek artistik yang menarik. Pembiayaan ini tidak bertujuan untuk menggantikan gaji penganjur dan ia tidak bertujuan sebagai sumber pendapatan utama sebagai bayaran semasa tempoh pembiayaan kerana proses kreatif ini kerana adalah difahamkan bahawa para karyawan juga terlibat dengan projek-projek lain.

Nota tentang garis panduan transaksi pembayaran

Sila ambil maklum tentang penerima pembiayaan yang telah berjaya tidak boleh terlibat dengan sebarang transaksi pembayaran dengan pihak berkaitan kerana ia akan dianggap tidak boleh dituntut. Untuk tujuan peruntukan ini, pernyataan "pihak berkaitan" bermaksud tidak terhad kepada syarikat/ organisasi milik penuh dan/ berkaitan dengan penerima pembiayaan.

² Honorarium penganjur akan disediakan jika penganjur menyumbang secara langsung terhadap bengkel tersebut.

³ Pakej premium jangkauan awam lebih luas untuk akaun seperti Zoom, GoToMeeting dan lain lain.

⁴ Untuk platform yang tidak memperuntukkan elaun harian dan adalah tertakluk kepada tempoh maksimum program iaitu selama 10 hari pada kadar USD 20 sehari.

TERMA RUJUKAN

Siapa yang layak memohon Program Pembiayaan Pembangunan Kapasiti CENDANA?

- Warganegara Malaysia atau organisasi yang berdaftar dengan minimum tiga (3) tahun pengalaman profesional dan mempunyai portfolio kerja dan terlibat secara aktif dalam sektor seni dan budaya di Malaysia adalah dialu-alukan.
- Sesiapa sahaja yang aktif secara kritikal di dalam pembangunan seni persembahan, seni visual dan muzik *independen*. Ini mungkin termasuk tetapi tidak terhad kepada artis, koreografer, komposer, penari, pengarah, penerbit dan pemuzik.
- Permohonan boleh dibuat oleh individu, kolektif/ kumpulan atau melalui organisasi yang berdaftar. Walaubagaimanapun, pemohon utama mestilah mengambil tanggungjawab dalam pentadbiran sepenuhnya serta terlibat secara aktif dalam keseluruhan proses.

Projek yang dicadangkan oleh organisasi yang berdasarkan keuntungan mestilah membawa manfaat terhadap pembangunan artis Malaysia, mengenengahkan seni yang berkualiti tinggi kepada penonton dan harus mencapai kekukuhan kewangan selari dengan peredaran semasa. Tambahan pula, CENDANA memberikan keutamaan kepada organisasi yang bertumpu dalam bidang seni secara khusus. Memandangkan pembiayaan seni yang amat kompetitif dan pembiayaan kewangan yang terhad, CENDANA akan memberi keutamaan kepada cadangan-cadangan yang baru berbanding projek berulang atau yang serupa dengan projek yang telah dibiayai sebelum ini.

Siapakah yang tidak layak memohon Program Pembiayaan Pembangunan Kapasiti CENDANA?

CENDANA tidak akan dapat menyokong permohonan anda jika:

- i) Kumpulan/ Organisasi:
 - diwujudkan untuk tujuan bukan sekular;
 - kini menerima dana di bawah mana-mana program pembiayaan CENDANA (pengecualian diberikan kepada penerima dana Program Pembiayaan Karya Kilat);
 - yang di dalam penilaian/ mempunyai laporan penilaian yang masih belum dilaporkan dari program pembiayaan sebelum ini dengan CENDANA;
 - telah menerima pembiayaan dari CENDANA dalam tempoh 3 tahun kalendar berturut-turut.
- ii) Cadangan Projek:
 - projek telah bermula sebelum permohonan dibuat atau sebelum selesai proses penilaian bagi permohonan pembiayaan CENDANA ini;
 - projek yang tidak mempunyai komponen seni yang jelas, termasuk projek yang terutamanya bertujuan untuk mempromosikan unsur-unsur keagamaan;
 - aktiviti yang tidak termasuk di dalam bidang/ sektor mandat CENDANA;
 - projek yang bertujuan khusus untuk tujuan akademik atau dibentangkan di bawah naungan sebuah sekolah atau institusi pengajian tinggi dan merupakan sebahagian daripada kurikulumnya;

TERMA RUJUKAN

- projek-projek bertujuan untuk menjana keuntungan yang akan diagihkan kepada pemilik syarikat/ pemegang saham;
- program yang diadakan di tempat keagamaan;
- aktiviti yang tidak bertujuan untuk penggunaan awam;
- program yang bertujuan untuk tujuan pengumpulan dana;
- (yang mana berkenaan) tidak dapat lesen dalam pasaran yang berkaitan (Untuk e. g. majlis perbandaran tempatan atau kelulusan PUSPAL).

Bagaimanakah anda boleh memohon Program Pembiayaan Pembangunan Kapasiti CENDANA?

- Anda boleh mengemukakan permohonan pembiayaan melalui sistem pengurusan geran melalui laman sesawang; di www.cendana.com.my . Penyerahan yang dibuat melalui cara lain, seperti melalui e-mel, salinan asal, **TIDAK akan diterima**.
- Permohonan, templat bajet dan jadual aktiviti telah disediakan dalam sistem.

Anda **harus** menggunakan templat yang disediakan dalam sistem.

Siapakah yang boleh anda hubungi jika anda mempunyai pertanyaan?

Sekiranya anda mempunyai sebarang pertanyaan, atau ingin bertanyakan dengan lebih lanjut mengenai permohonan anda secara terperinci, sila hantarkan email ke info@cendana.com.my untuk mengatur temujanji.

Apakah yang akan berlaku selepas anda menghantar permohonan?

- Apabila permohonan ditutup pada tarikh tutup yang diberikan, semua permohonan akan disemak untuk memastikan permohonan projek memenuhi kriteria kelayakan dan semua dokumen sokongan yang relevan telah dihantar.
- Semua permohonan dinilai secara bersama dan diluluskan melalui satu proses penilaian yang sangat kompetitif.
- Permohonan yang menepati semua terma dan syarat seterusnya akan dinilai oleh **Panel Penasihat Industri CENDANA** yang terdiri daripada penasihat industri, pakar dan pengamal seni, melalui satu sistem pemarkahan yang berpandukan kriteria penilaian yang telah ditetapkan.
- Permohonan yang mempunyai nilai markah tinggi akan dinilai dan diluluskan oleh Pihak **Pengurusan MyCreative Ventures Sdn. Bhd.**
- Semua maklumat permohonan yang dikemukakan kepada CENDANA adalah peribadi dan sulit. Ahli Panel Penasihat CENDANA akan terikat dengan perjanjian untuk tidak mendedahkan sebarang maklumat dan juga dikehendaki mengisytiharkan tiada sebarang kepentingan sebelum menilai sebarang kertas cadangan.
- Hasil penilaian akan dihantar melalui e-mel pengesahan dalam masa tidak lebih dari sebelas (11) minggu selepas tarikh tutup permohonan.

TERMA RUJUKAN

Bagaimanakah permohonan anda akan dinilai?

Pemohon akan dinilai berdasarkan kriteria berikut serta kekuatan dokumen sokongan yang relevan yang diserahkan :

A. Merit Kesenian Kertas Cadangan

- Visi, idea-idea dan rasional seni
- Tahap inovasi , bercita-cita , bahan kajian atau risiko yang diambil
- Penerangan yang jelas tentang proses kreatif dan keseluruhan projek

B. Sumbangan kepada Pembangunan Seni di Malaysia (boleh digambarkan berdasarkan mana-mana di bawah)

- Relevan kepada masyarakat Malaysia.
- Menunjukkan kebolehcapaian dan menjangkau dasar penonton yang lebih meluas
- Mempromosikan atau meningkatkan akses kepada kerja-kerja seni yang berkualiti tinggi di Malaysia.
- Menyumbang kepada pelbagai ekspresi budaya bermasyarakat di dalam komuniti seni budaya.
- Pendedahan kepada seni yang berbeza atau memupuk peningkatan pemahaman seni

C. Pemohon yang cekap dan berkaliber.

- Menunjukkan rekod prestasi projek/kerja masa lalu yang jelas
- Bukti sokongan diperlukan untuk melaksanakan dan menjayakan kertas kerja seperti yang dicadangkan melalui pembentangan kertas cadangan yang jelas
- Pencapaian masa lalu yang menunjukkan merit seni yang kuat, nilai pengeluaran yang tinggi atau menerima pengiktirafan kritikal yang diiktiraf di dalam sektor seni Malaysia

D. Pengurusan Projek

- Menyediakan lampiran belanjawan yang terperinci dan merangkumi kos untuk keseluruhan projek dan jumlah penajaan yang dipohon
- Menunjukkan garis masa yang terperinci mengenai projek/ program/ aktiviti dari mula hingga akhir.
- Menyenaraikan rakan kongsi dan peranan khusus mereka termasuk bukti komitmen dan penglibatan mereka
- Komited untuk mengamalkan pengumpulan data, publisiti dan perkongsian di media sosial yang terbaik.

E. Kaitan dengan matlamat CENDANA

- Nyatakan pulangan pelaburan yang berpotensi untuk penggandaan ekonomi CENDANA sebanyak 2.5x yang bakal menyumbang kepada ekonomi negara. Ini boleh diberikan dalam bentuk gaji, liputan media, hasil penjualan tiket, barangan, dll.

TERMA RUJUKAN

- Dalam kes-kes tertentu, pertimbangan boleh diberikan pada nilai media dan jangkauan, tindak balas daripada penonton (seperti ulasan atau tinjauan maklum balas) bagi pemohon yang mungkin tidak dapat memberi gambaran jelas mengenai hasil ekonomi.
- Peluang pekerjaan, latihan professional tempatan, atau pembangunan kapasiti yang memberi manfaat kepada komuniti seni, industri dan/ atau mereka yang berminat dalam seni.
- Mengartikulasikan bagaimana karya seni pemohon boleh menyumbang kepada pendedahahan yang luas kepada masyarakat terhadap seni
- Keutamaan diberikan kepada usaha seni dan kebudayaan di Kuala Lumpur/ Lembah Klang. Walau bagaimanapun, pertimbangan yang sama juga diberikan kepada usaha seni dan kebudayaan di negeri-negeri lain di dalam negara selagi ia termasuk perlaksanaan di Kuala Lumpur/ Lembah Klang (seperti persmbahan, bengkel, pameran dan sebagainya).

Apakah yang akan menjejaskan peluang permohonan anda ?

Permohonan yang tidak mempunyai dokumen-dokumen yang mencukupi semasa penyerahan akan menyebabkan permohonan yang tidak lengkap dan menyukarkan proses penilaian. Senarai dokumen yang diperlukan:

Dokumen peribadi

Permohonan sebagai Warganegara Malaysia:

- Salinan Kad Pengenalan (IC) - salinan jelas kedua-dua imej belakang dan depan pada halaman A4 yang sama;

Permohonan sebagai Penduduk Tetap Malaysia:

- Salinan Pasport, dan
- Salinan Kad Penduduk Tetap (MyPR) - salinan jelas kedua-dua imej belakang dan depan pada halaman A4 yang sama;

Permohonan sebagai Pertubuhan:

- Salinan Kad Pengenalan (IC) * - salinan jelas kedua-dua imej belakang dan depan pada halaman A4 yang sama sisi; (* *pemilik/ Ahli Lembaga pengarah pertubuhani*)
- Salinan borang pendaftaran syarikat – seperti; Borang 9 (Borang SSM), Borang 24 atau 49, surat kebenaran (jika berkaitan);

Dokumen sokongan

- Pecahan bajet/ kos;
- Sebarang bahan sokongan lain yang berkaitan dalam format digital (jika berkaitan) seperti imej visual, video, pautan web dll.
- Surat pengesahan dari ruang atau lokasi rakang kongsi tempatan.
- Profile yang relevan dari pihak yang berkaitan/ kolaborator yang terlibat di dalam projek ini.

Jika anda menganjurkan bengkel, forum, persidangan, pertukaran dialog dan sebagainya sila sertakan cadangan jadual aktiviti program anjuran anda.

TERMA RUJUKAN

Bagaimanakah anda akan menerima pembiayaan?

- Anda akan dikehendaki menghadiri mesyuarat bersama pihak CENDANA secara fizikal atau secara virtual (bergantung kepada lokasi kediaman anda).
- Pelan Projek dan pelan perjalanan anda perlulah dilakukan dalam tempoh dua belas (12) bulan dari tarikh penerimaan pembiayaan
- Bergantung kepada jumlah pembiayaan yang diluluskan, pembiayaan anda akan disalurkan dalam dua (2) peringkat Dana akan dikreditkan terus kepada anda atau ke dalam akaun bank organisasi anda.

Struktur Pembiayaan Pembangunan Kapasiti seperti di bawah:

| Selepas menandatangani Perjanjian | Laporan Tinjauan Ekonomi |
|--|--|
| Pembayaran Pertama (40% daripada jumlah yang diluluskan) setelah menandatangani Surat Perjanjian dalam masa 21 hari bekerja. | Pembayaran akhir (baki 60% daripada jumlah yang diluluskan) dalam masa 21 hari bekerja selepas penyerahan Laporan Kajian Projek dan penyiapan laporan penilaian ekonomi CENDANA. |

- Sejumlah (40% daripada jumlah yang diluluskan) akan dibayar sebagai pendahuluan selepas proses menandatangani Perjanjian untuk Pemohon Yang Berjaya bagi memulakan projek. Baki (60%) akan disalurkan selepas projek selesai.
- Dokumen sokongan termasuk, tidak hanya terhad seperti butiran di bawah:
 - i. Laporan Penilaian Projek (Post Mortem Report);
 - ii. Laporan Tinjauan Ekonomi;
 - iii. Penyata akhir bank akaun - belanjawan/ perbelanjaan sebenar, bukti perbelanjaan (resit, penyata perbelanjaan, bukti penerimaan pembayaran, dll)
 - iv. Bentuk pengesahan yang lain – bahan tambahan aktiviti seperti video, foto dan bahan pemasaran (jika berkaitan).

Apakah yang akan berlaku selepas permohonan dinilai?

Permohonan yang berjaya

Pemohon yang berjaya akan dimaklumkan melalui e-mel rasmi dengan Surat Tawaran yang menyatakan:

- Jumlah dan tujuan Program Pembiayaan Pembangunan Kapasiti yang telah diluluskan;
- Terma & Syarat Program Pembiayaan Pembangunan Kapasiti CENDANA;
- Matlamat pencapaian dan pelaksanaan.

Tawaran Program Pembiayaan Pembangunan Kapasiti akan **sah selama tiga puluh (30) hari** dari tarikh makluman melalui e-mel yang dihantar. Jika anda tidak menerima tawaran dalam tempoh ini, tawaran itu akan luput.

TERMA RUJUKAN

Permohonan yang tidak berjaya

Pemohon yang tidak berjaya akan dimaklumkan melalui e-mel rasmi dalam tempoh pemberitahuan yang sama.

Rayuan

CENDANA tidak akan menerima sebarang rayuan . Semua keputusan adalah muktamad.

Apakah yang diharapkan dari pemohon yang berjaya?

- Sentiasa berhubung dengan CENDANA untuk berkongsi proses kemajuan projek atau sekiranya terdapat sebarang perubahan dalam skop kerja yang dicadangkan;
- Untuk memasukkan jenama CENDANA ke semua platform komunikasi seperti logo CENDANA ke semua platform publisiti dan pemasaran⁵ dalam semua projek yang disokong;
- Untuk memastikan semua bukti pembayaran, invois dan resit bagi perbelanjaan projek disimpan dan dihantar kepada CENDANA. Kegagalan untuk menyediakan dokumen sokongan yang diperlukan boleh menjejaskan jumlah pembiayaan akhir.

Nota tentang Garis Panduan Program Pembiayaan Pembangunan Kapasiti

Disamping kami mempromosikan dan membangunkan seni untuk masa depan Malaysia, sebagai agensi yang mengagihkan dana awam sejajar dengan dasar Kerajaan, CENDANA harus mengutamakan cadangan yang tidak :

- Menghina atau merendahkan seseorang, kumpulan atau kelas individu berdasarkan bangsa atau agama, atau dilaksanakan untuk mewujudkan konflik atau salah faham dalam masyarakat berbagai budaya dan agama;
- Mengganggu keamanan atau kestabilan negara.

CENDANA berhak membatalkan sebarang permohonan/kelulusan sekiranya terdapat:

- Perubahan skop projek tanpa memberitahu dan mendapatkan kelulusan dari CENDANA;
- Merendahkan atau merosakkan reputasi CENDANA secara langsung atau tidak langsung;
- Tidak dapat melengkapkan projek itu mengikut cadangan yang dikemukakan;
- Melanggar terma dan syarat yang dinyatakan dan dipersetujui dalam perjanjian Program Pembiayaan.

⁵ Butiran yang digariskan dalam Perjanjian

TERMA RUJUKAN

TENTANG CENDANA

Agensi Pembangunan Ekonomi Seni Budaya (CENDANA) dilancarkan pada 6 September 2017 untuk membentuk ekonomi seni budaya yang megah, mampan dan bercita-cita tinggi untuk Malaysia, disamping meningkatkan profil seni dan budaya Malaysia dalam membentuk identiti Malaysia sebagai destinasi seni yang strategik di peringkat global. Disokong oleh Kerajaan Malaysia melalui MyCreative Ventures Sdn Bhd (syarikat milik penuh Menteri Kewangan Diperbadankan) dan melapor kepada Kementerian Komunikasi dan Multimedia. Untuk maklumat lanjut, sila layari www.cendana.com.my

MATLAMAT CENDANA

CENDANA menyokong platform, projek dan/ atau aktiviti yang:

- i. Di bawah satu atau lebih daripada Tonggak Strategik CENDANA seperti berikut:
 - **Memperkasakan Seni** – Menggalakkan permintaan terhadap seni di Malaysia dengan membuka ruang yang lebih luas kepada masyarakat dan peluang perdagangan . Sebagai contoh, menghubungkan penyedia tempat pameran, menjalankan program seni awam, dll.
 - **Memperkasakan Komuniti** - Meningkatkan peluang kejayaan para seniman Malaysia dan meningkatkan kualiti kerja. Sebagai contoh, memudahkan kerjasama, menganjurkan latihan dan kursus pembangunan profesional.
 - **Mengatur Dasar** - Memperjuangkan dasar dan rangka kerja untuk menggalakkan pembangunan ekonomi budaya yang mampan. Sebagai contoh, bersama merancang dan menyelidik mengenai dasar pembiayaan seni budaya kebangsaan yang dicadangkan.

Untuk mendapatkan maklumat lanjut mengenai usaha-usaha yang kami lakukan, sila layari www.cendana.com.my .

- ii. Bersekutu dengan satu atau lebih melalui Blok Pembangunan CENDANA seperti yang berikut:
 - **Pendidikan Kebudayaan dan Kreatif: Mencipta Tenaga Kerja Yang Kreatif**
 - Membangunkan dasar pendidikan dan kemahiran kreatif untuk Malaysia.
 - **Memupuk Pasaran**
 - Membangunkan KL sebagai pusat kreatif.
 - **Sokongan melalui Perniagaan dan Pelaburan**
 - Memastikan perniagaan berbentuk kreatif mempunyai akses kepada kepakaran dan
 - Memberi nasihat khusus sebagai kunci utama pelaburan komoditi.
 - **Memberi Ruang Kreatif, Kesesuaian Hidup dan Pelancongan**
 - Membina garis panduan bagi perancangan khusus untuk budaya dan insentif untuk meneroka yang bakal menggalakkan budaya dan kreativiti di KL.

TERMA RUJUKAN

Untuk maklumat lanjut mengenai Blok Bangunan, sila log masuk ke "*Laporan KL sebagai Bandar Budaya dan Kreatif*" di www.cendana.com.my/resources .

- iii. CENDANA menjangkakan bakal menyumbangkan seperti berikut:
 - **2.5x Pengganda ekonomi;**
 - **Peletakkan Kuala Lumpur sebagai Bandar Budaya dan Kreatif ;**
 - **Meningkatkan bakat pengamal-pengamal industri.**
- iv. Menunjukkan potensi untuk projek berskala tinggi dan/atau melestarikan seni dalam tempoh pertengahan atau jangka panjang walaupun program penajaan CENDANA telah berakhir.